

## Pengaplikasian Konsep Kawalan Sosial dalam Komuniti Maya

*Application of Social Control Concept In Virtual Community*

**Mohamad Nazrul Mohd Azmian<sup>1</sup>, Muhammad Ridhwan Sarifin<sup>1\*</sup>, Jusang Bolong<sup>2</sup>, Nurhafizah Yusoff<sup>3</sup>, Muhamad Hariz Muhamad Adnan<sup>1</sup> & Mhd Syariefudin Abdullah<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

<sup>2</sup>Universiti Putra Malaysia, Jalan Universiti 1, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

<sup>3</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Malaysia

\* ridhwan.sarifin@fsk.upsi.edu.my

**Published:** 26 April 2024

**To cite this article (APA):** Mohd Azmian , M. N., Sarifin, M. R., Bolong, J., Yusoff , N., Muhamad Adnan, M. H., & Abdullah, M. S. (2024). Pengaplikasian Konsep Kawalan Sosial dalam Komuniti Maya. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 16(1), 66–79. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.1.6.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.1.6.2024>

### Abstrak

Perkembangan teknologi digital telah mewujudkan masyarakat berdasarkan media di mana ruang manusia tidak lagi terbatas kepada kapasiti fizikal semata-mata. Ini membuka lebih banyak peluang bagi sesiapa sahaja untuk menggunakan media sosial untuk tujuan jenayah atau melakukan tingkah laku devian secara dalam talian jika tiada kawalan seperti gangguan seksual, penyebaran berita palsu, kebocoran data dan maklumat peribadi, dan lain-lain. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji pengaplikasian konsep kawalan sosial dalam komuniti maya. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan berdasarkan data sekunder sebagai prosedur pengumpulan data. Keputusan kajian menunjukkan bahawa komuniti maya menggunakan media sosial untuk beberapa tujuan seperti hiburan, sokongan sosial, komunikasi, mencari maklumat, menjalin hubungan sosial, dan lain-lain. Keputusan juga menunjukkan bahawa konsep kawalan sosial dapat dilihat dari segi formal, informal serta dapat mengekang tingkah laku devian dan jenayah dalam komuniti maya. Kesimpulannya, masyarakat perlu menekankan elemen-elemen kawalan sosial dari segi formal melalui perundangan media, undang-undang dan pihak berkuasa. Manakala secara tidak formal adalah melalui pendidikan, adab, dan etika. Ini dapat mencipta persekitaran yang sejahtera dalam komuniti maya.

**Kata kunci:** Mekanisme kawalan sosial, kawalan sosial formal, kawalan sosial informal, Media sosial, Komuniti maya

### Abstract

*The development of digital technology has created a media-based society where human space is no longer limited to physical capacity alone. This opens up more opportunities for anyone to use social media for criminal purposes or to conduct deviant behavior online if there is no control such as sexual harassment, dissemination of false news, data leaks and personal information, and so on. So the purpose of this study is to study the application of the concept of social control in the virtual community. This test uses the content analysis approach based on secondary data as a data collection procedure. Research has shown that the virtual community uses social media for some purposes such as entertainment, social support, communication, information search, social relations, etc. The result also shows that social control can be seen from a formal and informal point of view and can undermine deviant behavior. In conclusion, society needs to formally emphasize social control through media legislation, laws, and authorities while informally through education, manners, and ethics. This can create a prosperous environment in the virtual community.*

**Keywords:** Social control mechanism, formal social control, informal social control, social media, virtual community

## PENGENALAN

Kemajuan teknologi digital yang semakin pesat telah menyebabkan perubahan dalam aspek kehidupan sosial masyarakat. Penggunaan teknologi di sini merujuk kepada teknologi internet yang digunakan dalam pelbagai bentuk dan kepentingan seperti komunikasi, mencari maklumat, keusahawanan, dan sebagainya. Ini adalah faktor perubahan teknologi komunikasi dari konvensional kepada moden dan sepenuhnya digital (Astari et al., 2018). Media sosial adalah platform interaksi, penyampaian maklumat dan propaganda, saluran pembelajaran, dan sumber rujukan interaktif dan kreatif. Pembangunan saluran media massa seperti ini menjadi lebih pesat iaitu penyampaian maklumat berlaku setiap saat tanpa batasan.

Perkembangan media berlaku seiring dengan perubahan gaya hidup yang lebih moden berorientasikan kepada teknologi dan kemajuan maklumat yang akan menjadi cabaran kepada pemikiran, ideologi, tindakan, dan budaya tanpa batasan dan kawalan (Intan Syahriza et al., 2019). Keghairahan masyarakat untuk menyertai sebagai pengguna media sosial menjadikannya sesuatu yang penting dan memenuhi keperluannya dalam kehidupan kerana media sosial membuka ruang untuk komunikasi yang luas dan mudah, menjimatkan masa dan menjadikan pengumpulan maklumat menjadi sangat mudah.

Selain itu, melalui media sosial, masyarakat boleh mempelajari dan meningkatkan kemahiran mereka dalam menguasai bahasa seperti Bahasa Inggeris. Aplikasi media sosial boleh memberikan impak positif kepada pengguna sebagai ruang pengetahuan jika tidak disalahgunakan (Nurul Safwah et al., 2021). Sebagai contoh, artikel Botan et al., (2020) mendapati bahawa media sosial adalah platform yang dapat meningkatkan kemahiran seseorang dalam menguasai Bahasa Inggeris. Dalam penyelidikan itu, media sosial merupakan platform yang efektif yang menyediakan maklumat terkini, kemampuan berbicara dalam bahasa ibunda, dan menjadi sumber pembelajaran penting. Selain itu, Wisnu (2018) juga menyatakan bahawa medium media sosial seperti *TikTok* membolehkan masyarakat mempelajari bahasa dan pensejarahan etnik. Ia membantu dalam kemahiran bertutur, membaca, menulis dan menguasai bahasa yang sukar.

Di Malaysia, penggunaan internet dalam kalangan masyarakat Malaysia berumur 15 tahun ke atas meningkat secara drastik kepada 96.8 peratus pada tahun 2021 berbanding dengan 89.6 peratus pada tahun 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Ini menunjukkan bahawa masyarakat telah menjadi lebih aktif dalam menggunakan internet terutamanya semasa fasa pandemik COVID-19. Selain itu, media sosial merupakan platform tertinggi yang menggunakan internet pada tahun 2021. Malaysia mencatatkan 28 juta pengguna media sosial atau 86 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Setiausaha Ketua Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) menyatakan bahawa masyarakat Malaysia adalah antara yang paling aktif menggunakan platform media sosial dan jumlah itu meningkat sebanyak dua juta atau tujuh peratus dari tahun 2020 hingga 2021. Ini membolehkan masyarakat menguasai sesuatu dan meningkatkan pengetahuan mereka (Berita Harian, 2021).

Menurut Riffe, Lacy & Varouhakis (2008), terdapat empat faedah internet berbanding media tradisional. Pertama, internet menyampaikan pengetahuan secara spontan yang menjadikannya lebih cepat daripada media bercetak. Kedua, internet adalah interaktif yang membolehkan maklum balas lebih spontan berbanding media lain. Ketiga, internet membolehkan penyebaran kandungan multimedia yang tidak dapat dilakukan dalam media lain. Keempat, internet membolehkan penyebaran maklumat secara meluas dengan cara yang lebih murah. Ini menunjukkan bahawa penggunaan media sosial telah meningkat disebabkan peralihan zaman ke arah kehidupan dengan maklumat tanpa had dan dunia tanpa sempadan. Kemajuan teknologi membawa kepada masyarakat yang berpusat media dan menjadi lebih kompleks seiring dengan perkembangan kemajuan teknologi.

Kini, kewujudan media sosial yang pelbagai telah menarik minat ramai pengguna untuk menggunakan. Siti Ezaleila dan Azizah (2010) menjelaskan, individu yang memiliki lebih dari satu akaun media sosial adalah kerana mempunyai setiap akaun media sosial mempunyai tujuan dan fungsi

kepenggunaan tersendiri. Antara media sosial yang popular digunakan di Malaysia pada masa ini adalah *Facebook*, *Instagram*, *Twitter*, *TikTok*, *WhatsApp*, dan *Telegram*. Pada tahun 2021, aktiviti melayari media sosial adalah aktiviti paling popular diikuti dengan peningkatan dalam perkhidmatan berkaitan dengan aktiviti pembelajaran, kewarganegaraan dan politik, e-Health, e-Kerajaan, e-Perniagaan dan hiburan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

Penggunaan internet dan media sosial membolehkan masyarakat untuk melakukan interaksi dan hubungan sosial tanpa bersemuka. Ini mengubah cara manusia berinteraksi, bekerja, dan berkongsi maklumat secara drastik (Jamiah et al., 2016). Oleh itu, dapat dilihat bahawa perubahan berlaku dalam hal hubungan dan interaksi sosial dari yang bersifat fizikal kepada dalam talian, dan masyarakat masih boleh membina hubungan sosial walaupun tidak bersemuka. Walau bagaimanapun, keghairahan menggunakan media sosial perlu dipantau dan dikawal oleh semua pihak termasuk diri sendiri, pihak berkuasa, dan masyarakat. Berbanding dengan interaksi sosial fizikal, mekanisme kawalan sosial penting untuk mengawal tingkah laku dan mengelakkan perilaku yang tidak bermoral di kalangan generasi muda (Shanhe, Wang & Lambert, 2010).

Pengaplikasian kawalan sosial dapat mengawal tingkah laku manusia untuk mengawal perbuatan tidak bermoral seperti jenayah, tingkah laku devian terutamanya dalam kalangan generasi muda (Groff, 2015). Hal ini termasuklah dalam konteks komuniti maya itu kerana masyarakat zaman kini bukan hanya melakukan interaksi secara fizikal semata-mata malah, interaksi sosial dapat dilakukan secara atas talian tanpa ada batasan. Namun, adakah konsep kawalan sosial ini berbeza dari segi komuniti maya berbanding dengan aspek fizikal hasil daripada perkembangan pesat teknologi digital?. Muhamad Danuri (2020) menyatakan bahawa perkembangan teknologi baharu dan digital pada masa ini telah menunjukkan perubahan ketara dalam penyampaian sumber maklumat. Oleh itu, konsep kawalan sosial perlu ditekankan dalam komuniti maya agar pengguna media sosial menjadi bertanggungjawab terhadap apa-apa yang mereka lakukan dalam media sosial. Ini juga dapat mencegah jenayah siber, berita palsu, dan kandungan elemen negatif dapat diatasi. Oleh itu, pengaplikasian konsep kawalan sosial mampu mewujudkan persekitaran yang sejahtera dalam komuniti maya.

Selain itu, kepesatan penggunaan media sosial secara tidak langsung dapat meningkatkan risiko aktiviti jenayah dan tingkah laku devian. Hal ini kerana kebergantungan masyarakat kepada media telah meningkatkan risiko masyarakat untuk menjadi mangsa jenayah siber (Zaki, 2002). Penjenayah dalam komuniti maya kebiasaannya menyamar sebagai orang lain dalam media sosial dan melakukan jenayah siber seperti mencuri data penting, gangguan seksual, penyebaran berita palsu, buli siber, dan sebagainya. Oleh iu, melalui penerapan konsep kawalan sosial seperti nilai etika yang ditunjukkan melalui interaksi fizikal juga perlu diterapkan dalam komuniti maya. Hal ini supaya masyarakat dapat menggunakan media sosial dengan aman dan bertingkah laku baik dalam media sosial.

Perkembangan teknologi digital dapat membuka peluang yang lebih besar dan bebas untuk melakukan interaksi sosial dan hubungan sosial. Menurut Wan Norina et. al (2013), pelajar dari pelbagai institusi pembelajaran menggunakan media sosial seperti internet khususnya untuk melayari laman web sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, dan sebagainya untuk tujuan rekreasi dengan menghabiskan masa selama tiga jam setiap hari. Sheldon (2008) mengakui bahawa *Facebook* merupakan salah satu laman web sosial yang paling popular di Malaysia dan pengguna di antara usia 12 hingga 35 tahun. Apabila peluang untuk melakukan interaksi sosial dan hubungan lebih meluas dalam media sosial, maka, jenayah siber seperti ancaman keselamatan, penipuan, gangguan seksual, dan sebagainya juga akan meningkat secara tidak langsung. Ini disokong oleh Nadia (2017) yang menyatakan bahawa salah satu cabaran komuniti maya adalah ketulenan dan kesahihan berita atau maklumat yang dibaca dalam media sosial.

Jika pengguna media tidak berhati-hati terhadap maklumat yang mudah diperoleh, ia boleh memberi kesan kepada pihak tertentu dengan tersebarnya berita palsu. Sebagai contoh, semasa era pandemik COVID-19, fenomena berita palsu mengenai COVID-19 telah menjadi ancaman terutamanya daripada golongan anti-vaksin yang menyebarkan berita palsu mengenai vaksin. Pakar Undang-undang dan Perlembagaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menyatakan, penyebaran

maklumat palsu mengenai vaksin COVID-19 sama ada melalui pesanan ringkas (SMS) atau media sosial boleh dikenakan di bawah Seksyen 211 dan 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Berita Harian, 2022). Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), tersebar berita bahawa menghirup wap cengkih boleh merawat virus COVID-19 di media sosial walaupun sehingga kini, tidak ada penyelidikan saintifik yang membuktikan keberkesanannya seperti yang dijelaskan oleh Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar (Shaherman, 2021).

Penekanan konsep kawalan sosial adalah perlu dalam kalangan pengguna media sosial di Malaysia. Hal ini kerana isu penggunaan media sosial boleh membawa risiko terutamanya dari segi pencerobohan keselamatan data peribadi dan privasi. Tindakan seperti memasuki sistem rangkaian komputer oleh pihak yang tidak bertanggungjawab akan mengakibatkan impak yang negatif yang sudah tentu akan membawa kepada pelbagai masalah lain (Zaki, 2002). Ramai daripada kalangan masyarakat yang tidak sedar bahawa perlakuan dalam media sosial seperti meninggalkan komen, menyukai, memuat naik, dan sebagainya membawa kepada penyalahgunaan media sosial dan dengan itu, melanggar undang-undang. Lebih-lebih lagi, dalam era dunia tanpa sempadan, negara terdedah kepada pelbagai entiti yang bergerak melintasi sempadan geografi dan politik suatu negara (Strassman, 1995). Sebagai contoh, ramai orang menyebarkan berita yang terkini tanpa memeriksa fakta dan kesahihan sumber sesuatu berita boleh menggugat imej negara. Jika berita yang disebarluaskan didapati palsu, ia boleh membawa kepada jenayah dan orang yang menyebarkan berita pasti akan didakwa.

Menurut statistik yang diterbitkan oleh *Science Media Centre* pada tahun 2020, individu dalam kategori usia 50-70 tahun kebiasaan mereka menjadi penyebar berita palsu melalui platform media sosial seperti *WhatsApp*. Individu dalam kategori usia tersebut sering kali menganggap bahawa apa-apa sahaja yang disampaikan melalui dunia siber adalah benar dan tepat. Terdapat juga berita palsu yang diselitkan dengan unsur-unsur agama agar ia kelihatan benar dan meyakinkan. Ini menyebabkan mereka mudah terpedaya dan berkongsi berita tersebut ke platform media sosial yang lain. Akibatnya, ia boleh membawa kepada risiko pelanggaran undang-undang.

Ia terbukti apabila pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah memfailkan 48 pertuduhan di mahkamah antara Januari hingga September 2020 terhadap individu yang menyalah gunakan media sosial. Angka tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 66% dan lebih tinggi daripada tahun 2019. Daripada 48 pertuduhan, 34 melibatkan kesalahan di bawah Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998. Secara keseluruhannya, untuk sembilan bulan pertama tahun 2020, SKMM telah menerima 178 *First Information Report* (FIR) mengenai kesalahan penyalahgunaan media sosial, berbanding hanya 139 yang diterima dalam tempoh yang sama pada tahun 2019 (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2020). Tanpa kesedaran kawalan sosial, komuniti maya akan cenderung melanggar undang-undang tanpa sedar. Oleh itu, dengan isu-isu yang dibincangkan, penyelidikan ini memberi tumpuan kepada aspek kawalan sosial dalam komuniti maya.

Dalam konteks kehidupan sosial termasuklah komuniti maya, konsep kawalan sosial sepatutnya dilaksanakan secara meluas setiap hari. Hal ini membolehkan masyarakat mengikuti nilai dan norma sosial yang diamalkan secara bersama dan melahirkan keadaan yang harmoni dan sejahtera. Ejen-ejen kawalan sosial memainkan peranan penting dalam mempengaruhi masyarakat untuk mematuhi peraturan, nilai, dan norma masyarakat. Antara ejen-ejen kawalan sosial adalah institusi keluarga, rakan sebaya, institusi, dan lain-lain. Sebagai contoh, kajian oleh Zakiyah dan Ismail (2004), hubungan yang signifikan ditunjukkan antara ikatan dan kawalan ibu bapa terhadap tingkah laku yang melakukan kesalahan remaja. Jika terdapat jenayah siber dalam komuniti maya seperti buli siber, gangguan seksual, dan sebagainya, ahli komuniti maya perlu mengambil tindakan dalam menangani kelakuan tidak bermoral seperti menegur, melaporkan kepada pihak autoriti, sekat atau tapis akaun yang melanggar peraturan. Ini dapat mewujudkan keadaan yang sejahtera dalam kalangan komuniti maya itu sendiri.

Oleh itu, konsep kawalan sosial perlu diterapkan supaya pengguna media sosial berada di bawah kawalan dan tidak menggunakan medium media sosial secara melulu tanpa memikirkan akibat daripada kesalahan yang dilakukan.. Konsep kawalan sosial seperti tindakan tatatertib dan etika yang

diamalkan semasa berinteraksi secara fizikal seharusnya juga aplikasikan dalam konteks media sosial. Menurut Jusang (2011), interaksi dalam komuniti maya seharusnya disematkan dengan nilai-nilai dalam aspek sosial supaya mereka tidak menyimpang dengan kebaikan sesuatu media sosial itu diwujudkan. Selain itu, rangkaian sosial melalui teknologi komunikasi tidak seharusnya digunakan dalam bentuk negatif. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa kawalan sosial adalah penting dan ejen-ejen kawalan sosial memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat untuk mematuhi peraturan, nilai, dan norma sosial.

## METODOLOGI

Kajian ini, menggunakan pendekatan kualitatif iaitu analisis dokumen dan kajian kepustakaan telah dipilih sebagai kaedah pengumpulan data. Analisis dokumen ialah pecahan kaedah penyelidikan analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dalam kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan (Sabitha, 2009). Analisis dokumen adalah salah satu teknik khusus bagi kajian kualitatif (Mokmin, 2012). Analisis dokumen membantu dalam membincangkan berkenaan pemahaman kepenggunaan media sosial, proses kawalan sosial dalam komuniti maya dan implikasi kawalan sosial dalam komuniti maya. Alat saintifik melibatkan prosedur khusus bertujuan menyedia pandangan baharu, meningkatkan kefahaman pengkaji berkaitan fenomena tertentu atau menjelaskan tindakan yang praktikal (Krippendorff, 2004). Kajian ini telah menggunakan dokumen yang dirujuk dari statistik jabatan kerajaan, jurnal dan buku. Penulisan analisis kandungan merujuk kepada kata kunci kajian agar kajian tidak terkeluar dari landasan.

## PERBINCANGAN

Bahagian ini memberi tumpuan kepada dua tema iaitu dari segi pemahaman penggunaan media sosial dan mekanisme kawalan sosial.

### 1. Pemahaman Kepenggunaan Media Sosial.

Dalam menggunakan aplikasi *WhatsApp*, setiap individu seharusnya memahami tentang kepenggunaan sesuatu platform media sosial. Dalam hal ini, pemahaman kepenggunaan media sosial dapat dilihat menerusi fungsi penggunaan sesuatu media sosial. Berdasarkan kajian oleh Nila Zaimatus (2021), terdapat pengaruh yang signifikan antara media sosial dengan kesihatan mental dan kesejahteraan sosial remaja semasa pandemik COVID-19 berlaku. Apabila penjarakan sosial menjadi norma, media sosial menjadi satu alat pemangkin untuk keperluan psikologi kepada masyarakat yang dapat membantu memenuhi keperluan interaksi sosial dan mengatasi permasalahan untuk melakukan interaksi sosial semasa pandemik. Sebagai contoh, ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, segala aktiviti harian yang kebiasaannya dilakukan setiap hari adalah terhad dan terbatas. Oleh itu, melalui platform media sosial, masyarakat dapat berkongsi idea, melakukan interaksi sosial, berbual, mencari maklumat, melakukan hubungan sosial, dan mencipta imej sosial dengan orang lain bagi memenuhi keperluan sosial mereka. Ia secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap kesihatan mental serta mewujudkan keadaan yang sejahtera dalam kehidupan mereka. Nila Zaimatus (2021) turut menekankan bahawa penggunaan media sosial yang bijak, dan strategi pengawalan emosi yang baik dapat mengurangkan gangguan mental dan meningkatkan keyakinan hidup individu.

Dengan penggunaan media sosial dalam sesebuah organisasi, ia dianggap sebagai pemangkin yang relevan untuk meningkatkan kualiti kerja. Hal ini kerana, melalui kepenggunaan media sosial, ia mampu mempengaruhi prestasi kerja seseorang. Dalam kajian yang dilakukan oleh Nur Muneerah et al., (2022), kajian ini melihat peranan penggunaan media sosial di tempat kerja dalam meramalkan modal sosial (hubungan rangkaian, wawasan bersama, dan kepercayaan) yang mampu untuk mempromosikan penglibatan kerja dan seterusnya mempengaruhi prestasi pekerja. Selain itu, hubungan

rangkaian dan kepercayaan mempromosikan penglibatan kerja secara positif kecuali untuk wawasan bersama. Hal ini menunjukkan kepenggunaan aplikasi media sosial mampu memberikan kesan yang positif dalam prestasi kerja.

Selain itu, dalam melihat pemahaman kepenggunaan media sosial, kajian yang dilakukan oleh Hanwen Xu et al., (2022) bertujuan meneroka pemahaman media sosial dengan mengkaji ciri-ciri dan cara interaksi sosial, serta sifat dan bentuk media boleh dijadikan panduan. Kajian ini menekankan hubungan erat antara komunikasi sosial dan pilihan media dan bagaimana perspektif yang berbeza memiliki pemahaman yang berbeza terhadap media sosial. Kajian ini menjelaskan bahawa media sosial merupakan satu bentuk media baharu yang memerlukan lingkungan internet dan mendapat perhatian dengan meluas. Kajian ini juga menyatakan bahawa masyarakat tidak seharusnya hanya menyesuaikan diri dengan pengaruh dan perubahan komunikasi yang dibawa oleh media sosial, tetapi perlu beradaptasi dengan mematuhi kaedah tradisional daripada media berita tradisional. Oleh itu, ia menunjukkan bahawa media tradisional dan media baharu bukanlah saling bertentangan malah, ia saling melengkap dan setiap kemajuan dalam teknologi media melahirkan dan membentuk ekologi komunikasi baharu bagi masyarakat.

Dari segi pentadbiran, Maziashvili et al., (2023) menjelaskan bahawa intensiti penggunaan alat komunikasi digital untuk penyertaan dalam penjenamaan bandar dan kegunaan media sosial yang dirasai menyumbang kepada hubungan yang berkekalan antara warganegara dan pihak berkuasa tempatan. Kajian ini mendapati bahawa persepsi warganegara terhadap kegunaan media sosial memberi kesan positif terhadap keinginan mereka untuk terlibat dalam proses penjenamaan bandar secara dalam talian, menyokong pembinaan kepercayaan dan kerjasama.

Berdasarkan hasil kajian oleh Hood et al., (2023) mengkaji mengenai Syarikat mengenai pemahaman penggunaan media sosial iaitu *Instagram*, platform media sosial yang terkemuka dalam proses membuat keputusan pengguna dewasa muda. Mereka melakukan urusan pembelian secara dalam talian dan berinteraksi dengan profil digital jenama pakaian. Hasil kajian ini memberikan pandangan yang bermakna mengenai pemahaman perilaku pembelian dan pasca-pembelian di Instagram pengguna dewasa. Hal ini menunjukkan bahawa pengguna memahami kepenggunaan aplikasi media sosial dengan melakukan urusan pembelian secara dalam talian.

Selain itu, kajian oleh Mude & Undele (2023) memberikan pandangan tentang penggunaan media sosial dalam kalangan Generasi Y dan Generasi Z. Dalam kajian ini, perbandingan dilakukan berkaitan penggunaan media sosial Generasi Y dan Generasi Z untuk sosialisasi, maklumat, hiburan, pendidikan, dan membeli-belah. Hasil kajian menunjukkan bahawa Generasi Z menggunakan media sosial lebih kerap daripada Generasi Y untuk tujuan pendidikan, hiburan, membeli-belah, dan sosialisasi, manakala penggunaan media sosial oleh kedua-dua generasi untuk mencari maklumat adalah sama. Namun begitu, kedua-dua generasi menunjukkan penggunaan sosial untuk tujuan mencari maklumat yang sama. Oleh itu, ia menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi media sosial adalah pelbagai dan bergantung pada kepentingan masing-masing dalam menggunakan media sosial.

Selanjutnya, Siti Ezaleila dan Azizah (2010), mendapati pengguna media sosial menggunakan media sosial untuk berkongsi dan mendapatkan maklumat, hiburan, faktor keselesaan, dan untuk membentuk identiti diri. Selain itu, kebanyakan pengguna media sosial juga menghabiskan satu hingga dua jam untuk setiap sesi atau sehingga 20 jam seminggu untuk berkomunikasi atau untuk tujuan integrasi sosial dan interaksi. Apabila kemudahan seperti ini dapat digunakan, ia menggambarkan bahawa penggunaan media sosial ini menjadi sambungan bagi individu untuk menjalankan aktiviti sosial mereka walaupun dilakukan dalam talian (Adamkolo Mohammed et al., 2023). Kajian juga menyatakan bahawa masyarakat kebanyakannya bersetuju bahawa media adalah perluasan dan tambahan kepada interaksi luar talian dan media akan menggantikan media komunikasi lain dalam masa terdekat. Hal ini kerana, mereka mengakses internet untuk berinteraksi dengan rakan-rakan dalam persekitaran baharu dan berkongsi minat mereka, membentuk komuniti dan menyertai komuniti, bertemu orang dan membina persahabatan baharu dan sebagainya (Siti Ezaleila, 2014). Oleh itu, ini dengan jelas menunjukkan kepentingan media sosial dalam membina hubungan dan interaksi sosial.

## 2. Mekanisme Kawalan Sosial

Dalam konteks ini, mekanisme kawalan sosial dilihat melalui banyak aspek seperti kawalan sosial formal, kawalan sosial tidak formal dan sebagainya. Dalam kajian yang dilakukan oleh Khairi Nabil dan Azlina (2021) bertujuan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk kawalan sosial yang dilaksanakan oleh keluarga mahasiswa, jenis-jenis tingkah laku devian dan juga faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku tersebut. Empat aspek kawalan sosial yang dijadikan sebagai indikator kajian ialah kawalan sosial tidak langsung, kawalan sosial langsung, kawalan sosial positif, dan kawalan sosial negatif merangkumi norma, nilai, ganjaran dan hukuman. Hasil dapatan menunjukkan responden mengetahui, menyedari dan mematuhi hampir setiap bentuk kawalan sosial yang dilaksanakan oleh keluarga mereka. Selain itu, majoriti responden bersetuju bahawa kaedah kawalan sosial tidak langsung berbentuk nilai dan kawalan negatif berbentuk hukuman adalah lebih berkesan dan berpengaruh dalam mengawal tingkah laku mereka. Bentuk-bentuk kawalan sosial dalam keluarga didapati merupakan pengaruh utama dalam terhadap penentuan tingkah laku mahasiswa sama ada menjadi devian ataupun tidak. Dalam aspek komuniti maya, kawalan sosial tidak langsung seperti nilai etika dan sebagainya berperanan sebagai satu panduan dalam menggunakan media sosial. Hal ini kerana, melalui amalan etika, individu sentiasa berwaspada dan bertanggungjawab dengan tingkah laku mereka dalam media sosial. Ia membolehkan individu sentiasa mematuhi peraturan dan tetapan peraturan yang ditetapkan oleh pihak pembangun media sosial tersebut supaya tiada pelanggaran peraturan yang berlaku.

Selain itu, ia melibatkan elemen keterikatan merujuk kepada individu yang mempunyai ikatan atau pertalian kepada keluarga, rakan sebaya, dan institusi (Hirschi, 1969). Elemen keterikatan didasari dengan hubungan secara psikologikal dan perasaan emosi antara individu dengan orang yang dianggap akrab dan penting di dalam kehidupannya seperti ibu bapa (keluarga), guru (sekolah) dan rakan sebaya (kumpulan sosial) (Zulfikri et al., 2014). Melalui elemen keterikatan, individu akan menjaga tingkah laku mereka dengan sebaiknya kerana wujudnya perasan hormat tidak kira dalam komuniti fizikal maupun komuniti maya kerana mereka mempunyai hubungan silaturahim yang telah terjalin dalam masyarakat. Hubungan keterikatan ini akan mewujudkan rasa hormat, kasih sayang dan taat terhadap masyarakat termasuklah dalam kalangan penduduk kejiraninan. Hal ini menyebabkan lebih tinggi tahap kawalan sosial dan lebih rendah tahap salah laku yang dilakukan oleh pelaku menyimpang (Mohd Sufiean et al., 2018).

Seterusnya, proses kawalan sosial dapat dilihat berdasarkan kajian Nur Hafizah (2018) iaitu “Kepentingan kawalan sosial dalam menangani salah laku membabitkan penyokong bola sepak di Malaysia”. Kajian ini menjelaskan tentang kawalan sosial secara dalaman dan luaran mampu mengekang salah laku dalam kalangan penyokong bola sepak di Malaysia. Kajian ini juga mendapati bahawa majoriti responden bersetuju bahawa proses kawalan sosial secara dalaman sangat penting dalam aspek kawalan terhadap emosi bersikap profesional, berdisiplin dan semangat kesukanan yang tinggi. Kajian ini juga tidak menolak bahawa proses kawalan sosial secara external juga perlu seperti denda dan hukuman oleh pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), tangkapan dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah turut perlu dikuatkuasakan dengan lebih mendalam bagi menangani salah laku membabitkan penyokong bola sepak di Malaysia. Jika dilihat dalam aspek komuniti maya, kawalan sosial dalaman seperti bersikap professional, dan berdisiplin adalah perlu dalam menggunakan media sosial. Sekiranya pengguna mempunyai sikap ini, ia sudah pasti dapat mengawal dan juga menjaga tingkah laku mereka dalam menggunakan media sosial.

Elemen kepercayaan juga merupakan satu mekanisme kawalan sosial yang signifikan dalam membentuk tingkah laku individu untuk mematuhi peraturan. Elemen kepercayaan yang dimaksudkan termasuklah berkaitan aspek agama, nilai-nilai budaya, dan juga terhadap pihak berautoriti. Dalam aspek kepercayaan dari sudut agama, agama memainkan peranan yang penting dalam memupuk nilai-nilai keislaman dalam setiap perkara yang dilakukan. Dalam konteks media sosial, pegangan dan nilai murni dalam beragama serta akhlak mampu mempertahankan diri daripada pengaruh buruk media sosial yang menyebabkan keruntuhan jati diri sebagai seorang Muslim (Anita et al., 2019). Ajaran agama turut menjadi satu panduan kepada pengguna supaya tidak menyalahgunakan platform media sosial untuk melakukan kemungkaran seperti pornografi, penipuan, fitnah-memfitnah dan sebagainya. Ia selaras

dengan ajaran agama Islam dimana penganutnya dikehendaki untuk mencegah kemungkar dan melakukan kebaikan.

Selari dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd Suffien, Maizatul, dan Mohd Helmi (2018) menunjukkan bahawa kawalan sosial tidak formal dapat membentuk peribadi golongan muda yang berintegriti disamping dapat menjimatkan kos keselamatan sosial. Kajian ini juga menggunakan Teori Kawalan Sosial oleh Hirschi (1969) dan mendapati gabungan antara komponen keterikatan, kepercayaan, keterlibatan, dan komitmen mampu memupuk nilai integriti dalam generasi muda. Tambahan juga, kawalan kendiri juga penting dalam proses kawalan sosial di mana mempunyai disiplin yang tinggi dapat mengawal diri daripada melakukan penyimpangan. Dalam aspek komuniti maya, sifat integriti amat penting dalam menggunakan media sosial. Setiap individu perlu melatih diri mendisiplinkan diri dalam menggunakan media sosial supaya mereka tidak terpesong daripada niat sebenar media sosial itu digunakan.

Hal ini turut selari dengan kajian yang dilakukan oleh Nur Amal, Azlina dan Fauzi (2021) yang menyatakan tentang latar belakang agama sesebuah keluarga turut mempengaruhi tingkah laku delikuen remaja. Kajian tersebut menyatakan bahawa bagi mengawal tingkah laku delikuens remaja, pendekatan yang paling ideal dan tepat adalah latar belakang agama sesebuah keluarga. Elemen kepercayaan dalam aspek agama ini memainkan peranan yang sangat penting dalam mencorakkan keperibadian remaja terutamanya sejak kecil. Hal ini kerana, ia membolehkan individu bertingkah laku positif dan dapat memupuk nilai hormat terhadap ahli-ahli yang lain. Sebagai contoh, melalui penghantaran video bersifat Islamik dan dakwah dapat memperingatkan ahli-ahli yang beragama Islam supaya tidak melakukan kemungkar dan sebagainya. Oleh itu, apabila kod moral dan keagamaan dapat dihayati sebaiknya, individu akan terikat dan patuh dengan kod atau nilai-nilai yang baik dalam ajaran agama. Maka, individu akan secara sukarela dapat mengawal kecenderungan mereka untuk melakukan perbuatan devian termasuklah dalam komuniti maya itu sendiri.

Komuniti juga memainkan peranan yang penting sebagai agen kawalan sosial dalam masyarakat. Kajian oleh Muhammad Izzuddin dan Nur Hafizah (2020) menunjukkan bahawa komuniti bertanggungjawab sebagai salah satu agen kawalan sosial dalam memastikan komuniti yang didiami bersih daripada masalah sosial. Dapatkan kajian menunjukkan pelaksanaan aktiviti gotong-royong oleh komuniti menjadi penyumbang kepada kawalan sosial tidak formal dalam komuniti. Selain itu, program kolaborasi antara unit komuniti dan agensi lain mampu memupuk kerjasama dan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Aktiviti kolaborasi ini juga mampu menarik minat penduduk untuk melibatkan diri sebagai peserta dalam program tersebut seterusnya mewujudkan nilai sosial dalam komuniti. Banyak program atau aktiviti yang dilakukan termasuklah aktiviti keagamaan, Skim Ronda Sukarela (SRS), aktiviti kesukanan, aktiviti kebudayaan, aktiviti mengikut blok kediaman dan amalan cakna persekitaran sosial mendorong kepada kawalan sosial secara tidak formal oleh komuniti.

Aktiviti seperti gotong royong dan juga terlibat dengan program-program kemasyarakatan mampu membentuk jati diri yang baik dalam kalangan masyarakat. Ia secara tidak langsung dapat memupuk nilai-nilai yang baik dalam diri masyarakat. Hal ini kerana pemupukan nilai jati diri yang akan mendorong penggunaan media sosial yang positif dan bermanfaat. Ia bermaksud tanpa amalan nilai yang baik dalam penggunaan media sosial, ia tidak akan membawa apa-apa faedah dan kebaikan dalam penggunaan media sosial dan seterusnya tidak membawa kesejahteraan dalam diri individu (Zawiyah et al., 2017). Aktiviti pantauan oleh agen kawalan sosial terhadap kanak-kanak dalam menggunakan media sosial sedikit sebanyak dapat mengurangkan salah laku dalam media sosial dan seterusnya membimbang mereka menggunakan media sosial dengan lebih bertanggungjawab dan berdisiplin. Keterlibatan individu dalam menyertai program dalam media sosial seperti diskusi ilmiah, perbincangan sesuatu isu semasa dan sebagainya dapat menghindarkan diri mereka daripada terlibat dengan aktiviti tidak bermoral dalam media sosial.

Dalam hal ini, elemen keterlibatan merujuk kepada sejauh mana individu terlibat dalam aktiviti harian yang positif dan dalam masyarakat atau komuniti (Schreck & Hirschi, 2009). Melalui penglibatan dengan institusi keluarga, masyarakat dan sebagainya, ia dapat membentuk ikatan sosial

yang kuat dengan komuniti kejiranan. Individu juga boleh memenuhi aktiviti harian mereka dengan perkara-perkara yang berfaedah. Kajian Azrina dan Vishalache Balakrishnan (2016) menyatakan bahawa aktiviti komuniti dapat memberi nilai-nilai positif dan melahirkan golongan belia yang mempunyai perwatakan yang baik. Hasil daripada penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan telah menyebabkan meningkatnya kesedaran muhasabah diri, menjalani gaya hidup sihat, menjadi prihatin terhadap keperluan individu lain termasuklah dalam konteks komuniti maya itu sendiri. Penglibatan dalam aspek komuniti maya turut mencakupi keaktifan seseorang itu dalam menyertai aktiviti perbincangan, sapaan, memberi pandangan dan sebagainya. Keterlibatan individu dalam aktiviti tersebut mampu untuk membina komuniti yang positif dan berfaedah. Dalam aspek komuniti maya, ia memberi kesan yang ketara apabila berlakunya perbincangan dalam komuniti maya mengenai aktiviti-aktiviti yang ingin dilaksanakan. Oleh itu, setiap ahli akan mengambil bahagian dalam perbincangan yang dilakukan bagi menjayakan aktiviti sukarelawan ini dan secara tidak langsung pengguna akan berkelakuan baik dalam menggunakan media sosial.

Dalam pada itu, undang-undang memainkan peranan yang penting dalam mengawal tingkah laku masyarakat dalam kehidupan seharian. Dalam konteks media sosial, capaian demografik pengguna media sosial yang bebas dan luas, menjadikan kawalan melalui undang-undang sangat penting bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pengguna media sosial. Kajian oleh Nor Azlina et al.(2020) mendapati bahawa kerangka institusi dan undang-undang berperanan untuk mengawal penyalahgunaan media sosial di Malaysia. Beliau turut menyimpulkan bahawa undang-undang yang termaktub mengenai penyalahgunaan media sosial adalah mencukupi. Tiada keperluan untuk menggubal akta khas yang melibatkan penyalahgunaan media sosial kerana tiada suatu undang-undang khusus pun yang akan sesuai dengan semua keadaan. Namun begitu, peruntukan-peruntukan sedia ada ini perlu dibuat penambahbaikan untuk memastikan ia kekal relevan sesuai dengan kemajuan teknologi. Sebagai contoh, dalam Akta Fitnah 1957, individu boleh dikenakan tindakan sekiranya individu menyebarkan maklumat yang mempunyai unsur fitnah iaitu merendahkan diri seseorang dalam masyarakat umum sehingga menyebabkan seseorang tersebut dicemuh, dihina, dibenci atau dikeji, merosakkan reputasi diri seseorang dalam mana-mana jawatan, pekerjaan atau perniagaan atau merosakkan kredibiliti seseorang.

## HASIL ANALISIS

Implikasi kawalan sosial dalam komuniti maya dapat dilihat dari segi tingkah laku pengguna media sosial, dan juga keselamatan data peribadi dan privasi. Antara implikasi pengaplikasian kawalan sosial dalam komuniti maya ialah, individu mahupun masyarakat dapat mengikuti peraturan dan norma yang telah ditetapkan. Hal ini kerana, kawalan sosial mendorong individu untuk berkelakuan baik dan mampu untuk mengawal tingkah laku mereka daripada melakukan kesalahan dalam media sosial. Tanpa adanya pengaplikasian kawalan sosial dalam komuniti maya, elemen salah laku seperti menghasut, unsur-unsur lucu, berita palsu dan sebagainya menyebabkan perpecahan dalam komuniti maya. Hal ini kerana, kawalan sosial tidak dijadikan sebagai panduan dalam menggunakan media sosial.

Ia dapat dilihat melalui kajian Ummu Hanis et al. (2021) mengenai fenomena penyebaran berita palsu semasa pandemik COVID-19 melanda. Kajian mendapati masyarakat di daerah Alor Gajah telah menerima berita palsu semasa PKP. Penemuan kajian juga menunjukkan bahawa masyarakat di daerah Alor Gajah juga meragui berita palsu dan ia boleh memberi impak kepada warganegara Malaysia. Selain itu, ia juga memberi impak kepada pemikiran dan cara berfikir mengenai isu semasa. Keselamatan dan keamanan sebuah negara juga akan terjejas jika berlaku penyebaran berita palsu. Oleh itu, adalah perlu untuk kawalan sosial dalam media sosial untuk mengelakkan perkara seperti berita palsu daripada tersebar dengan lebih meluas. Nilai etika dan integriti perlu ada dalam diri setiap individu supaya mereka sentiasa bertanggungjawab dengan apa-apa kelakuan yang mereka lakukan dalam media sosial. Apabila pengguna mempunyai sikap integriti, sudah pasti pengguna akan mematuhi peraturan dan norma yang telah ditetapkan dalam menggunakan aplikasi media sosial.

Selanjutnya, Shahidah et al. (2020) berpendapat bahawa pembinaan etika adalah elemen paling penting untuk penyebaran berita dan maklumat melalui media sosial agar medium ini tidak disalahgunakan oleh masyarakat. Ini juga mendidik masyarakat untuk sentiasa bertanggungjawab dengan apa jua tindakan yang mereka lakukan dalam menyebarkan berita di media sosial. Pembinaan etika dalam kalangan masyarakat harus dilakukan agar individu dapat memastikan bahawa maklumat tersebut benar, berdasarkan fakta, dan informatif yang boleh dikongsi bersama sebelum menyebarkannya. Penyebaran berita palsu mengenai keadaan politik negara menyebabkan warganegara kehilangan keyakinan terhadap kepimpinan negara. Ia sekaligus menunjukkan bahawa kurangnya nilai etika dalam media sosial boleh membawa kepada ancaman terhadap negara dan masyarakat (Shahidah et al., 2020). Pendedahan maklumat negatif dan palsu secara berterusan akan mempengaruhi cara seseorang berfikir, bertindak, dan menyelesaikan konflik. Ini disokong oleh Anita (2021) yang menjelaskan bahawa penggunaan media sosial memerlukan panduan dan standard etika yang betul untuk mengawal disiplin dan tingkah laku masyarakat dalam menggunakan media sosial. Oleh itu, pengalaman konsep kawalan sosial akan membantu masyarakat untuk mematuhi peraturan dan tidak melakukan tingkah laku yang menyimpang.

Sehubungan itu, implikasi kawalan sosial dapat dilihat dari kesedaran pengguna media sosial terhadap keselamatan siber. Kajian oleh Mohd Azul dan Nurul Madiha (2015) membincangkan mengenai pengalaman, kesedaran, dan pengetahuan pengguna tentang isu pengawasan ketika menggunakan media sosial. Penemuan menunjukkan bahawa pengguna memiliki pengalaman, kesedaran, dan pemahaman tentang isu pengawasan privasi dalam media sosial. Berdasarkan pengalaman informan, aktiviti pengawasan dapat membantu memantau aktiviti kanak-kanak dalam menggunakan media sosial. Ini bermakna terdapat keperluan untuk memantau aktiviti kanak-kanak dalam menggunakan media sosial. Selain itu, pengguna juga menjadi lebih berhati-hati dalam memuat naik maklumat peribadi dalam media sosial. Ia bertujuan bagi menjaga kerahsiaan, keselamatan maklumat peribadi, dan pengaturan maklumat yang dikongsi daripada pihak yang tidak bertanggungjawab mencuri data peribadi mangsa.

Selain itu, sikap pengguna yang remeh dengan isu keselamatan siber menyebabkan banyak pengguna menjadi mangsa jenayah siber. Hal ini kerana mereka tidak cakna mengenai keselamatan siber dan kurangnya amalan kawalan sosial ketika menggunakan media sosial menyebabkan peningkatan jenayah siber. Kajian oleh Zakiah dan Dalbir (2016) mengenai kesedaran pengguna media sosial terhadap keselamatan siber menunjukkan bahawa kesedaran pengguna berada pada tahap sederhana. Kajian ini melihat tiga faktor untuk mengukur tahap kesedaran pengguna siber iaitu pengetahuan, persekitaran, dan sikap pada tahap sederhana. Kajian juga menyatakan bahawa sikap pengguna berkaitan dengan tahap kesedaran pengguna media sosial terhadap keselamatan siber.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Cybersecurity Malaysia, Amirudin Abdul Wahab juga menyatakan bahawa kesedaran masyarakat tentang keselamatan siber masih rendah dan ramai tidak mengamalkan langkah-langkah penggunaan teknologi dan internet secara positif, beretika, dan bertanggungjawab. Ini juga telah menyebabkan insiden keselamatan siber di Malaysia meningkat secara berterusan dan membawa kepada pelbagai jenayah siber yang melibatkan pengguna media sosial (“Malaysia ada 28 juta pengguna”, 2021). Ini menunjukkan bahawa amalan kawalan sosial internal seperti etika, tanggungjawab, dan sebagainya memainkan peranan penting dalam membimbing masyarakat untuk menggunakan media sosial secara positif dan faedah.

Selain itu, implikasi kawalan sosial dapat dilihat melalui kajian melalui tingkah laku pengguna media sosial. Melalui mekanisme kawalan sosial, pengguna akan berkelakuan baik dan tidak melakukan perkara yang negatif dalam media sosial. Hal ini kerana, mekanisme kawalan sosial telah menjadi satu panduan dalam menggunakan platform media sosial. Sekiranya kawalan sosial tidak diaplikasikan dan disemat dalam diri, sudah pasti banyak kejadian negatif yang berlaku dalam media sosial. Sebagai contoh, kajian oleh Che Hasniza & Mohd Yusri (2014) menyatakan bahawa jenayah buli siber berpunca daripada sikap pengguna media sosial itu sendiri yang kurang kawalan sosial dalam media sosial. Antara jenayah buli siber yang berlaku di media sosial adalah menghantar komen negatif kepada individu, menyebarkan foto peribadi individu tanpa izin, memuat naik video tanpa kebenaran,

menfitnah di media sosial, menghantar komen yang memalukan tentang seseorang, berkongsi maklumat peribadi tentang seseorang tanpa kebenaran dan sebagainya. Oleh itu, ejen kawalan sosial seperti ibu bapa, sekolah, dan masyarakat perlu memainkan peranan untuk mencipta persekitaran yang boleh mengelakkan gejala buli siber daripada berlaku yang boleh membawa tekanan dari segi emosi, mental, fizikal, dan masalah sosial lain (Che Hasniza & Mohd Yusri, 2014).

Ini selari dengan kajian Norazlina et al. (2018) mengenai pengetahuan dan amalan perlindungan pengguna *Facebook* wanita terhadap penipuan cinta di Malaysia. Walaupun banyak faktor berkaitan dengan kejadian penipuan cinta di Malaysia, faktor kendiri seperti kurangnya pengetahuan dan amalan pencegahan terhadap jenayah ini sentiasa dilihat sebagai salah satu faktor utama mengapa seseorang mudah terperangkap dalam penipuan cinta ini. Tahap pengetahuan dan amalan perlindungan yang tinggi terhadap penipuan cinta dapat mempersiapkan seseorang untuk lebih berhati-hati ketika berbual dengan orang asing di dunia siber (Norazlina et al., 2018). Selanjutnya, pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap jenayah tertentu juga boleh dianggap sebagai bentuk pencegahan jenayah secara proaktif yang dapat mencegah seseorang daripada menjadi mangsa jenayah. Kebanyakan pengguna media sosial wanita mengambil langkah berjaga-jaga dalam melayari media sosial khususnya untuk mengelakkan daripada terlibat dengan jenayah siber. Ini menunjukkan bahawa amalan kawalan sosial dapat mendorong individu untuk berkelakuan baik dan melindungi wanita daripada menjadi mangsa jenayah siber.

## KESIMPULAN

Peralihan latar belakang teknologi komunikasi dari konvensional ke moden dan serba digital telah menyebabkan masyarakat menikmati hasil kemajuan teknologi. Kemajuan teknologi ini telah menciptakan masyarakat berdasarkan media, iaitu komuniti maya. Kewujudan komuniti maya ini menjadi kompleks seiring dengan perkembangan kemajuan teknologi dan membawa banyak kebaikan dan keburukan dalam menggunakan media sosial. Peralihan ini juga membawa kepada isu-isu jenayah siber seperti gangguan seksual, penipu, berita palsu, penipuan, dan sebagainya. Oleh itu, masyarakat perlu memahami konsep kawalan sosial agar tingkah laku dapat dikawal semasa menggunakan media sosial. Apabila masyarakat mengetahui kepenggunaan sesuatu media sosial, mereka dapat menikmati kebaikan dan kelebihan fungsi media sosial tersebut dengan baik. Antara kegunaan media sosial termasuklah berkomunikasi, menjalin hubungan sosial, mendokumentasikan kehidupan harian, mencari informasi, hiburan, dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa kepentingan dalam memahami fungsi media sosial tertentu dapat memenuhi keperluan dan tujuan media sosial tersebut. Justeru, penggunaan mekanisme kawalan sosial adalah penting termasuklah kawalan sosial formal dan informal agar mampu mengekang salah laku yang berlaku dalam media sosial. Antara mekanisme kawalan sosial termasuklah integriti, nilai dan hukuman, pendidikan dan panduan, menjadi profesional dan disiplin, serta menjalin hubungan baik dengan masyarakat. Ia penting supaya setiap individu sentiasa bertanggungjawab dengan aktiviti mereka dalam media sosial. Pelaksanaan undang-undang yang merupakan mekanisme kawalan sosial formal juga membantu dalam menangani perilaku devian terutama dalam penggunaan media sosial. Kesan kawalan sosial ini secara tidak langsung akan mewujudkan komuniti maya yang sejahtera dan selamat yang bebas dari jenayah siber, lebih berhati-hati dalam menggunakan media sosial, melindungi maklumat peribadi dan kerahsiaan, peka terhadap berita palsu, dan sebagainya. Oleh itu, pengaplikasian kawalan sosial dalam menggunakan media sosial perlu ditingkatkan penggunaan teknologi dapat membantu dalam mempertingkatkan pengetahuan dan mewujudkan sifat rasional dalam menggunakan diri untuk sentiasa memahami kepenggunaan media sosial.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah dilaksanakan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2021/SS0/UPSI/02/9) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah membantu menguruskan geran ini.

## RUJUKAN

- Adamkolo Mohammed Ibrahim, Hajara Umar Sanda, & Phuong Vi Thi. (2023). Motivating factors of user intention toward social television use: conceptual model development. *International Journal of Media and Information Literacy*. 8(1): 86-98.
- Ahmad Shaherman. (2021). Cengkih penawar Covid-19 hanya mitos. Kosmo. <https://www.kosmo.com.my/2021/06/06/cengkih-penawar-covid-19-hanya-mitos/>.
- Anita Ismail. (2021). Penggunaan Media Sosial dan Kesejahteraan Media Sosial Menurut Islam. E-Proceeding Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains 2021. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/14403/1/40.BM.%20SAIS2021%20%20Penggunaan%20Media%20Sosial%20Dan%20Kesejahteraan%20Penggunaan%20Menurut%20Islam.pdf>
- Astari Clara Sari, Rini Hartina, Reski Awalia, Hanarianti & Nurul Ainun. (2018). Komunikasi dan media sosial. *Jurnal The Messenger*, 3(2),69.
- Botan Othman Amin, Ruma Afiq & Nohaiz Mehmood (2020). The impact of social media in english language learning. *Journal of Critical Review*. 7(10):3126-3135.
- Che Hasniza Che Noh & Mohd Yusri Ibrahim. (2014). Kajian penerokaan buli siber dalam kalangan pelajar UMT. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134: 323-329.
- Daniel Riffe, Stephen Lacy & Miron Varouhakis. (2008). Media system dependency theory and using the internet for in-depth specialized information. *WJMCR*, 11: 1-13.
- Groff, E. R. (2015). Informal social control and community crime prevention. *Journal of Contemporary Criminal Justice*, 31(1): 90–106. doi:10.1177/1043986214552619.
- Hanwen Xu, Zhenyang Zhou, Ziwei Zhou, & Zewen Hou. (2022). Research on News Use of Social Media in The Context of New Media. *International Journal of Education and Humanities*. Vol. 5. No. 3. 202-206.
- Hirschi. T. (1969). Causes of delinquency. Berkeley, University of California Press
- Hood, S.L., Thoney-Barletta, K.A., & Rothenberg, L. (2023). Understanding the role of Instagram in young adult consumers' purchase and post-purchase evaluation behaviors. *Journal of Fashion Marketing and Management*. DOI 10.1108/JFMM-07-2022-0146.
- Intan Syahriza Azizan, Syahriza Ilyana Ramli & Junaida Ismail. (2019). Integriti pengguna media sosial. *Voice of Academia*. 15(3): 32-44
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). Penggunaan dan capaian ict oleh individu dan isi rumah 2021. <https://v2.dosm.gov.my/uploads/publications/20221018164055.pdf> [27 February 2022]
- Jamiah Manap, Mohd Rezal Hamzah, Aizan Sofia Amin, Nurul Nabila Mohd Izani, Fazilah Idris, Salasiah Hanin Hamjah, Noordeyana Tambi, Arena Che Kasim, Norul Huda Sarnon, Salina Nen & Nor Jana Saim (2016). Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap remaja remaja generasi Z. International Conference on Social and Economic Development (ICSED) 2016, 1-3 November 2016, Universiti Malaysia Terengganu.
- Jusang Bolong. (2011). Minda komuniti maya. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairi Nabil & Azlina. (2021). Peranan keluarga dalam kawalan sosial tingkah laku devian mahasiswa. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 18(2): 162-180.
- Krippendorff. K. (2004). Reliability in content analysis: some common misconceptions and recommendations. *Human Communication Research*, Volume 30, Issue 3. 411-433
- Malaysia ada 28 juta pengguna media sosial. (2021, 22 September). Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2021/09/867407/malaysia-ada-28-juta-pengguna-media-sosial>
- Maziashvili, M., Pleśniak, A., & Kowalik, I. (2023). The digital communication tools and citizens' relationship with local governments: a comparison of Georgian and Polish cities. *International Review of Administrative Sciences*. 89(2): 555–576.
- Mohd Azul Mohamad Salleh & Nurul Madiha Ilham. (2015). Isu privasi dan keselamatan dalam kalangan pengguna aplikasi media sosial. *Journal of Human Sciences and Humanities*. 11(1),032-044.

- Mohd Sufiean Hassan, Maizatul Mahbob, & Mohd Helmi Abd. Rahim. (2018). Skala psikometrik: perspektif kawalan sosial tidak formal dan pengukuhan nilai integriti golongan muda. *Malaysian Journal of Communication*. 34(4): 232-249.
- Mokmin Basri. (2012). Kaedah kajian. DO-10.13140/RG.2.1.1443.0168. [https://www.researchgate.net/publication/283479198\\_Bab\\_4\\_Kaedah\\_Kajian/citation/download](https://www.researchgate.net/publication/283479198_Bab_4_Kaedah_Kajian/citation/download).
- Mude G., & Undele S. (2023). Social Media Usage: A Comparison Between Generation Y and Generation Z in India. *International Journal of E-Business Research*. Volume 19. Issue 1. 1-20.
- Muhammad Danuri. (2020). Perkembangan dan transformasi teknologi digital. *Jurnal Ilmiah Informasi Komputer Akuntasi dan Manajemen*. Vol 15(2). 116-123.
- Muhammad Izzuddin Amin & Nur Hafizah Yusoff. (2020). Komuniti sebagai agen kawalan sosial tidak formal dalam menangani masalah sosial. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17(6):80-92.
- Nadia Fauzi. (2017). Penggunaan media sosial dalam dunia tanpa sempadan: suatu kebaikan atau keburukan. ILKAP. <https://www.ilkap.gov.my/download/kertaspenyelidikan/PMSDDTS18122017.pdf> [23 Februari 2022].
- Nila Zaimatus. (2021). Dampak peggunaan media sosial terhadap kesehatan mental dan kesejahteraan sosial remaja dimasa pandemi covid-19. *Nusantara Research*. 8(1),1-13.
- Nor Azlina Mohd Noor, Ahmad Shamsul Abd Aziz, & Rusniah Ahmad. (2020). Penyalahgunaan media sosial: kerangka institusi dan undang-undang di malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*.Volume 5 Issue 18. 57-67.
- Norazlina Zainal Abidin, Mohammad Rahim Kamaluddin, Azianura Hani Shaari, Norazura Din, & Saravanan Ramasamy. (2018). Pengetahuan dan amalan perlindungan pengguna Facebook wanita terhadap penipuan cinta di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(4): 113-133. <https://www.doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3404-07>
- Nur Amal Zaimah, Azlina Abdullah, & Mohamad Fauzi Sukimi. (2021). Isu dan Cabaran Keluarga Sebagai Agen Kawalan Sosial dalam kalangan Remaja. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 6, Issue 8, 207 – 214.
- Nur Hafizah Yusoff. (2018) Kepentingan kawalan sosial dalam menangani salah laku membabitkan penyokong bola sepak di Malaysia. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani*, 7(1):34-45.
- Nur Muneerah Kasim, Muhammad Ashraf Fauzi, Walton Wider. Muhammad Fakhru Yusuf. (2022). Understanding social media usage at work from the perspective of social capital theory. *Administrative Science Journal*. Vol 12(4). 1-21.
- Nurul Safwah Aminuddin Zaki, Nurul Atikah Poniran & Azirah Hussain. (2021). Tiktok sebagai medium pengajaran terkini. *Buletin ACIS UITM*. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/63785/1/63785.pdf> [24 Februari 2023].
- Sabitha Marican. (2005). Kaedah penyelidikan sains sosial. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Schreck. C., & Hirschi. T., (2009). *Social Control Theory*. 1st Century Criminology: A Reference Handbook (pp.305-311).
- Science Media Centre Malaysia. (2020). Media sosial, berita palsu dan COVID-19. <https://sciencemediacentremalaysia.com/resources/#>. [17 Februari 2022].
- Shahidah Hamzah, Fauziah Ani, Norizan Rameli, Harliana Halim, dan Noranifitri Md Nor. (2020). Impak penyebaran berita palsu melalui media sosial terhadap masyarakat: kajian kes mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 1(1), 55–63.
- Shanhe Jiang, Wang Jin & Lambert Eric. (2010). Correlates of informal social control in Guangzhou, China neighborhoods. *Journal of Criminal Justice*. 38(4): 460-469. <https://doi.org/10.1016/j.jcrimjus.2010.04.015>.
- Sheldon P. (2008). Students favorite: facebook and motives for its use. southern mass communication. *Journal Spring*. 39-53.
- Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah. (2010). Media sosial: tinjauan terhadap laman jaringan sosial dalam talian tempatan. *Jurnal Pengajaran Media Malaysia*. <https://jpmm.um.edu.my/index.php/JPMM/article/view/32615/13636>
- Siti Ezaleila Mustafa. (2014). penghijrahan dari dunia realiti ke dunia maya: tinjauan umum terhadap dunia maya sosial terpilih. *Malaysian Journal of Communication*. 30 (Special Issue), 243-258.
- Strassmann, Paul A. (1995) The Politics of information Management Policy Guidelines. New Canaan, Connecticut: The Information Economic Press.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2022). Salah Guna Media Sosial: 48 Kes Didakwa Di Mahkamah Setakat Suku Ketiga. <https://www.mcmc.gov.my/en/media/press-releases/salah-guna-media-sosial-48-kes-didakwa-di-mahkamah>. [17 Februari 2022].
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. (2021). Internet User Infographic. <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS-2020-Infographic.pdf> [8 Mac 2022].

- Ummu Hanis Jeffri, Ahmad Fahmi Mahamood, Abdul Rahman Abdul Manaf, Abdul Jalil Ramli & Tengku Kastriafuddin Tengku Yakob. (2021). Fenomena berita palsu dalam media sosial sepanjang musim perintah kawalan pergerakan di Malaysia. Universiti Malaysia Perlis. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business* (HLCB), 5(16): 50-80.
- Wan Norina Wan Hamat, Ahmad Fakrudin Mohamed Yusoff & Zaharah Hussin. (2015). Hubungan media sosial dengan penampilan akhlak pelajar politeknik Malaysia. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*, 3(1), 68-81.
- Wisnu Nugroho Aji. (2018). Aplikasi Tiktok sebagai media pembelajaran bahasa dan sastra Indonesia. PIBSI 2018. [https://www.academia.edu/38220846/APLIKASI\\_TIK\\_TOK\\_SEBAGAI\\_MEDIA\\_PEMBELAJARAN\\_BAHASA\\_DAN\\_SASTRA\\_INDONESIA](https://www.academia.edu/38220846/APLIKASI_TIK_TOK_SEBAGAI_MEDIA_PEMBELAJARAN_BAHASA_DAN_SASTRA_INDONESIA) [24 Jun 2023].
- Zaki Ibrahim. (2002). E- jenayah ancaman alaf baru. Universiti Malaysia. Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya. [https://www.academia.edu/100364009/E\\_jenayah\\_ancaman\\_alaf\\_digital\\_Mohamad\\_Zaki\\_Ibrahim](https://www.academia.edu/100364009/E_jenayah_ancaman_alaf_digital_Mohamad_Zaki_Ibrahim) [25 Jun 2022]
- Zakiah Saizan & Dalbir Singh. (2018). Kesedaran pengguna media sosial terhadap keselamatan siber: kajian kes di kalangan warga German-Malaysia Institute. *Jurnal Teknologi Maklumat & Multimedia Asia-Pasifik*. 7(2):111 – 127.
- Zakiyah Jamaluddin & Ismail Kiprawi. (2004). Ikatan dan kawalan ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuens. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004). <https://repo.uum.edu.my/id/eprint/1832/1/18.pdf>
- Zawiyah M. Yusof, Huda Sheikh Abdullah, Umi A. Mokhtar & Nazura Abd Manap (2017). Adab menggunakan media sosial. Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah. [https://www.researchgate.net/publication/321321574\\_Adab\\_Mengguna\\_Media\\_Sosial](https://www.researchgate.net/publication/321321574_Adab_Mengguna_Media_Sosial)
- Zulfikri Abd. Wahab Yohan Kurniawan & Haris Abd. Wahab, (2014). Pengurusan masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir di Kelantan. *Jurnal Pengajian Melayu* (JOMAS), 24(1), 56–77. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9620>